



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

No. Ruj: JPA.100-12/1/4 (5)

Tarikh : 17 Mac 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN PASUKAN SUKARELAWAN PENJAWAT AWAM
BAGI PENGURUSAN PASCA BANJIR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, beberapa negeri di Malaysia telah menghadapi bencana banjir. Justeru, Mesyuarat Pasca Kabinet Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil. 8 Tahun 2023 bertarikh 17 Mac 2023 telah memutuskan untuk menggerakkan semula Pasukan Sukarelawan Penjawat Awam dari semua kementerian/ jabatan/ agensi bagi pengurusan pasca banjir untuk digerakkan ke kawasan-kawasan yang terjejas.


3. Sehubungan itu, kementerian/ jabatan/ agensi dikehendaki menentukan dan mengarahkan pegawai di agensi masing-masing untuk membantu melaksanakan aktiviti kesukarelawanan tugas-tugas pasca banjir berdasarkan kawasan yang telah ditetapkan.
4. Pegawai-pegawai yang terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan tugas-tugas pasca banjir ini adalah dianggap menjalankan tugas rasmi dan layak menerima elaun dan kemudahan yang berkelayakan serta dilindungi oleh Skim Ex-Gratia Bencana Kerja Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada syarat di bawah Pekeliling Perbendaharaan W.P 6.3. Pihak kementerian/ jabatan/ agensi adalah bertanggungjawab menguruskan tuntutan pegawai-pegawai yang terlibat tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.
5. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.
6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan memastikan pelaksanaan perkara ini secara berkesan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)